

Lengkapkan karangan biografi di bawah ini.

|                               |                                  |
|-------------------------------|----------------------------------|
| menubuhkan tabung             | usaha dan kerajinan              |
| cahaya pelita sahaja          | tidak mempunyai bekalan elektrik |
| kadar bayaran yang murah      | membuka sebuah klinik            |
| bangga akan pencapaian beliau | anak yang pintar                 |
| belajar dengan lebih tekun    | tidak meninggi diri              |

Doktor Farihan dilahirkan di sebuah kampung Pendang Kedah, 33 tahun yang lalu. Beliau merupakan anak sulung daripada enam orang adik-beradik. Bapa beliau pesawah. Kehidupan mereka agak susah ketika itu.

Sejak kecil, Doktor Farihan telah menunjukkan bahawa beliau ialah (1)\_\_\_\_\_. Beliau sanggup berjalan kaki sejauh empat kilometer untuk ke sekolah. Oleh sebab rumah beliau (2)\_\_\_\_\_, Doktor Farihan belajar dengan diterangi oleh (3)\_\_\_\_\_.

Berkat (4)\_\_\_\_\_ beliau, akhirnya beliau dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Penduduk kampung (5)\_\_\_\_\_. Oleh hal yang demikian, mereka mahu (6)\_\_\_\_\_ untuk membiayai pengajiannya.

Kejayaan beliau sebagai doktor menjadi kebanggaan orang kampung. Doktor Farihan (7)\_\_\_\_\_ atas kejayaannya. Malah, beliau mendorong anak-anak kampungnya supaya (8)\_\_\_\_\_.

Untuk membalas budi penduduk Kampung Kuala Ibai, Doktor Farihan telah (9)\_\_\_\_\_ di kampungnya. Mereka mendapat khidmat daripada Doktor Farihan dengan (10)\_\_\_\_\_.

Kesungguhan Doktor Farihan patut dijadikan contoh. Memang benar kata pepatah, "kalau tidak dipecahkan ruyung, masakan dapat sagunya".